

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM (TAMPIN)

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah Kerajaan sedar isu kaum dan agama telah digunakan semaksima dalam mencatur sentimen politik di negara ini. Bagaimana Kerajaan hendak membendung perkara tersebut dan apakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal satu rang undang-undang yang berhubung kait dengan pelampau (*extreme*) kaum dan agama.

JAWAPAN

Kerajaan tidak berhasrat untuk menggubal suatu undang-undang baharu sebagaimana yang dicadangkan oleh YB Tampin. Kerajaan hari ini telah mempunyai undang-undang yang mencukupi untuk menjaga keharmonian antara kaum dan agama. Mereka yang sengaja memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian negara akan didakwa di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Di bawah undang-undang sedia ada, mana-mana pihak dengan sengaja mencetuskan atau mengeluarkan sebarang kenyataan yang menggugat perpaduan dan keharmonian rakyat boleh disiasat dan didakwa di bawah akta-akta berikut:

- (a) subseksyen 4(1) Akta Hasutan 1948 [Akta 15] iaitu kesalahan menghasut;

- (b) seksyen 504 Kanun Keseksaan [Akta 574] iaitu kesalahan dengan sengaja mengaibkan dengan niat hendak membangkitkan pecah keamanan;
- (c) seksyen 505 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam;
- (d) seksyen 506 Kanun Keseksaan iaitu kesalahan menakutkan secara jenayah;
- (e) seksyen 4A Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5] iaitu kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan; dan
- (f) seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] iaitu kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Apa yang diperlukan ialah tindakan tegas dan pantas pihak penguat kuasa mengambil tindakan ke atas kesalahan pelaku di bawah undang-undang yang sedang berkuat kuasa.

Dalam pada itu, masyarakat juga perlu dididik untuk memahami dan menghormati undang-undang. Kegagalan rakyat untuk menghormati undang-undang akan menggugat keharmonian negara dan berpotensi mencetuskan suasana ketegangan di kalangan masyarakat.

Sekian, terima kasih.